

UKM gigih membudayakan kesenian pantun Melayu

SENI pantun dan puisi Melayu merupakan warisan yang tidak ditelan zaman terutamanya dalam era Malaysia moden.

Kewujudannya melambangkan kehalusan seni bahasa dan santun pekerti peradaban masyarakat Melayu pada zaman dahulu sehingga kini.

Dalam usaha memartabatkan seni pantun dan puisi Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) melaksanakan program Pesta Pantun Integrasi Budaya 2016 baru-baru ini.

Program anjuran Kolej Ibu Zaini UKM dengan kerjasama Yayasan Warisan Negara itu merupakan acara tahunan dalam takwim universiti tersebut.

Menurut Penasihat Program Pesta Pantun Integrasi Budaya 2016, Nor Adlyizan Theis, penganjuran kali kelima ini mendapat sambutan yang menggalakkan daripada golongan mahasiswa, pelajar dan institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan.

"Pesta Pantun Integrasi Budaya 2016 merupakan salah satu program yang dianjurkan bagi memartabatkan seni pantun Melayu.

Pada masa sama, ia membuka jaringan ukhwal antara mahasiswa-mahasiswa

universiti di Malaysia.

"Ia juga merupakan platform bagi golongan pelajar untuk menonjolkan bakat dalam seni puisi Melayu dan membina keyakinan diri serta membudayakan pantun sebagai medium untuk berkarya," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* baru-baru ini.

Tambahnya, sebanyak 28 pasukan daripada 12 IPT dan enam sekolah menengah seluruh Malaysia menyertai program tahun ini.

Martabat

Ia merupakan satu perkembangan positif berbanding penganjuran kali pertama yang hanya disertai lapan pasukan.

Pada masa sama, rakan

kerjasama turut bertambah dengan penglibatan pelbagai pihak yang ingin turut serta dalam mengangkat martabat seni berpantun.

Program yang berlangsung selama empat hari itu menampilkan lebih ramai bakat baharu yang mempamerkan persaingan sehat dan positif.

Pemantun terbaik keseluruhan bagi kategori IPT, Abdullah Mahyudin berkata, seni pantun merupakan salah satu cabang puisi yang amat diminati sejak di bangku sekolah lagi.

"Pantun merupakan satu seni halus yang semakin kurang diamalkan. Sebagai seorang pencinta seni budaya, menjadi tanggungjawab semua untuk memastikan seni itu terus hidup dan mekar.

"Perjuangan seni puisi Melayu perlu diteruskan dan saya berharap pertandingan seperti

ini dapat diteruskan. Ia bagi menyebarkan budaya bangsa ini supaya terus diingat dan diamalkan oleh generasi muda," ujarnya.

Pandangan itu turut dikongsi pemantun terbaik keseluruhan bagi kategori sekolah, Emily Anak Stephen Tanang, 17.

Dia juga memasang niat untuk memperjuangkan seni pantun ke peringkat antarabangsa.

Berkongsi bakat

"Pesta Pantun Integrasi Budaya 2016 membuka peluang untuk saya berkongsi bakat dan minat terhadap seni pantun serta puisi Melayu ini," jelasnya.

Universiti Sains Malaysia (USM) mengungguli gelaran juara keseluruhan bagi kategori IPT diikuti Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) sebagai naib juara dan

Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) di tempat ketiga.

Bagi kategori sekolah menengah puisi, SMK Song dari Sarawak berjaya mempertahankan kejuaraan itu buat tahun kedua berturut-turut apabila menewaskan SMK Tun Habab, Johor pada pertandingan akhir manakala SMK Tasek Utara, Johor di tempat ketiga.

Pada hari terakhir program itu, majlis perasmian penutup diserikan dengan Parodi Pantun Bugis-Makassar daripada Universiti Hasanuddin Makassar dan persembahan daripada artis jemputan Ir Radzi.

Perasmian penutup itu disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UKM, Prof. Datoq Noor Aziah Mohd Awal.

RENTAK kampus



NOR ADLYIZAN



UKM sentiasa komited untuk memartabatkan seni kebudayaan Melayu melalui penglibatan mahasiswa.

